

23/07/2001

YPEIM berjaya bantu pelbagai lapisan masyarakat

Hasliza Hassan

FASA pertama yang bermula sejak 1984 sudah berlalu dan kini Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) melangkah ke fasa kedua dalam usaha menyemai budaya amal jariah di kalangan masyarakat negara ini.

Menetapkan 10 tahun sebagai tempoh membina prasarana amal jariah bagi membolehkan orang ramai bersedekah, YPEIM kini boleh berbangga dengan kejayaan mereka membantu usahawan, pelajar dan golongan miskin.

Dalam meniti fasa kedua yang kini memasuki tahun ketujuh, YPEIM yang menyambut ulang tahun ke-17, Jumaat lalu, berhadapan dengan cabaran besar untuk meneruskan kecemerlangannya.

Mengikuti resmi padi semakin berisi semakin tunduk, YPEIM bukan saja mengambil sikap merendah diri, malah sentiasa berusaha memastikan kehadiran mereka terus relevan dan diperlukan oleh kumpulan sasaran.

Ketua Pengarah YPEIM, Dr Abdul Malek Awang Kechil, berkata sebagai satu-satunya pertubuhan yang menawarkan perkhidmatan berkonsepkan amal jariah, sukar untuk menilai sejauh mana kejayaan YPEIM.

"Bagi saya tiada kayu pengukur yang boleh menentukan tahap pencapaian YPEIM kerana banyak lagi perkara yang perlu dikaji dan dirangka demi menentukan institusi ini terus relevan.

"Mungkin kita rasa sudah bagus tetapi jika masyarakat tidak dapat merasakan kehadiran YPEIM, tidak bermakna juga. Apa yang penting ialah memastikan fungsi YPEIM terus berada pada landasan yang betul dan kehadirannya diperlukan," katanya.

Mengaimbau sejarah penubuhan YPEIM, institusi yang disusun semula dan dilancarkan pada 20 Julai 1984 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menetapkan misi perjuangan berteraskan amal jariah.

Berpandukan kepada misi pembangunan ekonomi Islam, YPEIM melaksanakan pelbagai program membudayakan amalan bersedekah jariah dan mengukuhkan kekuatan ekonomi kepada golongan miskin yang menjadi kumpulan sasaran.

Antara skim yang diperkenalkan dalam program itu ialah skim potongan gaji, resit amal jariah, Tabung Pembasmian Kemiskinan dan skim pembangunan wakaf nasional.

Program pengukuhan asas ekonomi melalui pelaburan ekuiti, portfolio saham, pembiayaan bersindiket, pelaburan dan hartanah.

Melalui pendekatan teknologi terkini, YPEIM memperkenalkan tiga skim baru bagi memudahkan dan menggalakkan orang ramai melaksanakan amalan sadaqatul jariah iaitu skim e-Jariah, Tele-Jariah dan Auto Jariah.

Skim e-Jariah adalah penambahan kepada skim sedia ada yang membolehkan masyarakat membuat sumbangan secara "on line" melalui transaksi kad kredit dan perkhidmatan Perkhidmatan Perbankan Internet.

Melalui skim Tele-Jariah yang diperkenalkan oleh YPEIM dengan kerjasama Telekom Malaysia Berhad dan Maybank Berhad, semua pelanggan Telekom dan Maybank boleh membuat sumbangan hanya dengan membuat panggilan telefon.

Skim Auto-Jariah bagi memudahkan masyarakat menyalurkan sumbangan melalui mesin juruwang automatik (ATM).

Dr Abdul Malek berkata, sehingga ini, tiga juta orang mendapat faedah daripada program dan skim yang dilancarkan oleh yayasan itu.

Katanya, antara yang mendapat sambutan meluas masyarakat ialah skim Pajak Gadai Mikro Kredit Ar-Rahnu di mana 600,000 orang mendapat faedah daripada RM500,000 pinjaman yang dikeluarkan.

Beliau berkata, skim itu dapat melindungi peminjam daripada menanggung hutang dan kadar faedah yang jelas haram di sisi Islam kerana terlalu

tinggi dan menekan peminjam.

"Skim pajak gadai Islam yang diperkenalkan oleh YPEIM hasil kerjasama Bank Rakyat menggunakan kaedah pajak gadai emas mengikut hukum syarak. Skim itu diproses mengikut prosedur mudah dan tidak mengenakan peraturan ketat.

"Mengikut skim itu, setiap timbangan emas yang dipajak dikira mengikut harga emas semasa.

"Selepas peniaga mendapat kembali keuntungan daripada modal awal perniagaan mereka boleh menebus kembali barang kemas itu," katanya.

Dalam memperjuangkan isu kemiskinan melalui pelbagai pendekatan peningkatan sosio ekonomi, YPEIM sentiasa berhadapan dengan cabaran untuk membantu dan pada masa sama mendisiplinkan masyarakat.

Sehubungan itu, Dr Abdul Malek berkata, pihaknya mengambil penekanan memerhati, mengkaji seterusnya memantapkan lagi pelaksanaan program sedia ada supaya mampu memberi faedah yang optimum.

Usaha itu, katanya, termasuk mencari setiap kelemahan yang boleh mencacatkan keberkesanan operasi program, selain mencari kaedah mempercepatkan proses meluluskan pinjaman.

Beliau berkata, jika sebelum ini YPEIM mengambil masa agak lama untuk mengenal pasti kumpulan sasaran, mendekati dan melatih mereka, kelewatan itu akan cuba diatasi.

"Dulu kita melihat program yang dilaksanakan itu cukup bagus dan memenuhi keperluan orang ramai, tetapi pemerhatian kita nampak ada kelemahan yang boleh diperbaiki.

"Sehubungan itu, kita akan meningkatkan skim yang ada bagi menjadikannya lebih stabil. Contohnya dalam program membasmi kemiskinan, kita mengemukakan formula yang boleh memberi impak kepada golongan sasaran," katanya.

Beliau berkata, YPEIM giat mendisiplinkan kumpulan sasaran untuk berkongsi pemikiran dan wawasan organisasi itu supaya kemudahan yang diberikan dimanfaatkan pada jalan yang betul.

Katanya, usaha itu perlu bagi menentukan misi dan visi YPEIM tidak tersasar daripada matlamat utama membantu meningkatkan ekonomi kumpulan sasaran berteraskan amalan sadaqatul jariah.

"Berdasarkan kajian, walaupun kita tidak dekat dengan mereka tetapi sebahagian besar yang mendapat manfaat daripada skim YPEIM memanfaatkan pinjaman mengikut kehendak dan kita harap ini akan berkekalan," katanya.

Dr Abdul Malek ingin melihat kehadiran YPEIM dapat dirasai oleh semua pihak dan institusi itu terus bergerak pada landasan yang ditetapkan.

Selain itu, beliau berharap setiap perancangan masa depan YPEIM seperti mempunyai 400 cawangan skim pajak gadai Ar-Rahnu di seluruh negara menjelang 2003 tercapai.

"Berkat doa semua pihak saya berharap YPEIM akan terus dimantapkan sebagai sebuah institusi pembangunan sosio ekonomi utama dan dapat memberi manfaat secara positif kepada masyarakat.

"Kita juga harapkan komitmen berterusan daripada petugas sepenuh masa dan pekerja sambilan serta penyumbang yang terdiri daripada individu, syarikat swasta dan kerajaan," katanya.

Meraikan ulang tahunnya ke-17, YPEIM dengan kerjasama akhbar Harian Metro menganjurkan konsert amal Malam Nur Iman yang menampilkan Raihan, Rabbani, In Team dan Hijjaz.

Selain itu, setiap cawangan YPEIM di seluruh negara turut mengadakan majlis tahlil di masjid utama kawasan operasinya.

(END)